

BAB 2 : PENDAPATAN DAN PENGGUNAAN PENDAPATAN INDIVIDU**SPM2004/A/S2**

- (a) Selain daripada untung, nyatakan dan terangkan jenis-jenis pendapatan individu yang lain. [9 markah]
- (b) Jelaskan maksud perkara-perkara berikut:
- (i) Pendapatan boleh guna [2 markah]
 - (ii) Pendapatan boleh cukai [2 markah]
 - (iii) Upah benar [2 markah]
- (c) Data di bawah ialah maklumat diri Cik Aina.

Umur	: 30 tahun
Kelulusan	: Ijazah Undang-undang
Pekerjaan sekarang	: Guru Tadika

Berdasarkan faktor pemilihan pekerjaan, mengapakah Cik Aina memilih kerjaya sebagai guru tadika walaupun berkelulusan undang-undang? [10 markah]

SPM2005/A/S4

- (d) Encik Irfan ialah seorang pegawai kerajaan yang mempunyai seorang isteri dan tiga orang anak yang masih bersekolah. Berikut merupakan maklumat kewangan Encik Irfan setiap bulan dalam tahun 2003:

<u>Pendapatan</u>	RM
Gaji	2 500
Faedah daripada simpanan tetap	120
Sewa diterima	380

<u>Potongan wajib dan perbelanjaan</u>	
Bayaran zakat	30
Caruman KWSP	225
Ansuran kereta	500
Premium insurans nyawa	150

<u>Pelepasan Cukai</u>	RM	<u>Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan</u>		
Diri sendiri	8 000	RM2 500 pertama	=	0%
Isteri	5 000	RM2 500 berikutnya	=	1%
Anak (seorang)	800	RM5 000 berikutnya	=	3%
Caruman KWSP dan premium insurans nyawa (maksimum)	5 000	RM10 000 berikutnya	=	5%

Hitungkan jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Irfan bagi tahun 2003. [8 markah]

SPM2005/A/S2

- (a) Pendapatan boleh guna Encik Saiful pada bulan April ialah RM2 000. Maklumat berikut menunjukkan perbelanjaan beliau dalam bulan itu.

Perbelanjaan	RM
Sewa rumah	500
Hiburan/rekreasi	300
Sumbangan kepada ibu bapa	300
Kesihatan	100
Tambang	200
Bil elektrik, air, telefon	200
Makanan	600

- (i) Adakah anda bersetuju dengan perbelanjaan beliau? Berikan alasan anda. [5 markah]
(ii) Sediakan satu penyata belanjawan peribadi yang sistematik untuk Encik Saiful. [6 markah]
- (b) Situasi berikut merupakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam sebuah kelas.



- (i) Terangkan cara-cara pelaburan yang dimaksudkan oleh guru itu. [8 markah]
(ii) Bezakan pulangan yang dinyatakan oleh kedua-dua murid itu. [6 markah]

SPM2006/A/S1

- (c) Berikut adalah maklumat mengenai Encik Shafiq.

Encik Shafiq berkelulusan SPM adalah anak seorang pegawai kerajaan dan tinggal di Alor Setar, Kedah. Enam bulan yang lepas beliau telah bekerja sebagai pencuci bangunan tinggi di sebuah syarikat di Johor Bahru dengan gaji RM1 000. Sekarang beliau telah bertukar kerja sebagai kerani di sebuah jabatan kerajaan di Alor Setar, Kedah dengan gaji RM750.

Terangkan **lima** faktor yang menyebabkan Encik Shafiq bertukar kerja. [10 markah]

SPM2007/A/S2

- (a) Gambar 3 menunjukkan maklumat berkaitan dengan satu daripada sumber pendapatan Encik Samad bagi tempoh satu bulan tertentu.



Gambar 3

Huraikan **dua** sumber pendapatan Encik Samad selain daripada yang dinyatakan di atas. [6 markah]

- (b) Jadual dibawah berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Amir pada satu bulan tertentu.

Butiran	RM
Gaji	4 000.00
KSWP	360.00
Cukai Pendapatan	15.00
PERKESO	20.00
Insurans Nyawa	100.00
Faedah Simpanan	100.00

Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Amir pada bulan tersebut. [7 markah]

(c)

- (i) Jelaskan maksud belanjawan peribadi. [2 markah]
- (ii) Terangkan dua kepentingan belanjawan peribadi kepada individu. [4 markah]

(d) Maklumat berikut berkaitan dengan satu persamaan dalam ekonomi.

$$X + \text{Perbelanjaan} = \text{Pendapatan} - \text{Potongan Wajib}$$

- (i) Apakah **X**? [1 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** kepentingan **X** kepada individu. [5 markah]

SPM2008/A/S2

(a) Perbualan berikut tentang kerjaya dua orang sahabat.

Jamal : Arief...Aku bangga engkau menjadi petani yang berjaya.
 Arief : Engkau pun apa kurangnya....Jadi pegawai bank.

Bezakan kerjaya yang dipilih oleh Jamal dan Arief berdasarkan faktor pemilihan pekerjaan. [6 markah]

(b) Maklumat berikut tentang pendapatan, pendapatan boleh cukai dan potongan wajib Encik Farish dalam tempoh setahun.

Pendapatan	RM48 000.00
Pendapatan boleh cukai	RM33 000.00
Zakat	RM600.00
KWSP	10%
PERKESO	RM240.00


Kadar cukai yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Pendapatan Boleh Cukai (RM)	Kadar Cukai (%)	Cukai (RM)
RM5 000 yang pertama	0	0
RM10 000 yang berikutnya	1	100
RM15 000 yang pertama	-	100
RM15 000 yang berikutnya	3	450
RM30 000 yang pertama	-	550
RM20 000 yang berikutnya	5	

Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Farish. [9 markah]

(c) Jelaskan **empat** kepentingan belanjawan peribadi. [4 markah]

(d) Gambar 3 menunjukkan perbualan tentang pelaburan dan tabungan.



Gambar 3

- (i) Huraikan cara pelaburan yang dimaksudkan oleh Encik Gopal. [3 markah]
- (ii) Adakah anda bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Encik Ah Seng? Berikan **dua** alasan. [3 markah]